


PERADABAN

Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban
Universiti Malaya

ISSN: 1985-6296 eISSN: 2636-9257

Jilid 16, 2023



UNIVERSITI
MALAYA

Ketua Penyunting:

Professor Datuk Dr. Azizan Baharuddin
Universiti Malaya, Malaysia

Penolong Penyunting/Penyunting Pengurusan

Chang Lee Wei
Universiti Malaya, Malaysia

Nur Lisa Mohd Yusoff
Universiti Malaya, Malaysia

Sidang Penyunting

Prof. Dato Dr. Wan Ramli Wan Daud
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Malaysia

Prof. Dr. H. Tobroni M.Si
Universitas Muhammadiyah Malang,
Indonesia

Prof. Dr. Mohd Nazari Ismail
Universiti Malaya, Malaysia

Prof. Madya Gs. Dr. Rosilawati Zainol
Universiti Malaya, Malaysia

Profesor Madya Dr. Salinah Ja'afar
Universiti Malaya, Malaysia

Dr. Alwani Ghazali
Universiti Malaya, Malaysia

Dr. Arba'iyah Mohd Noor
Universiti Malaya, Malaysia

Dr. Asmawati Muhamad
Universiti Malaya, Malaysia

ISI KANDUNGAN

NO	ARTIKEL	MUKA SURAT
1	Intipati Islamisasi Galeri Dan Muzium di Pahang: Satu Tinjauan Eksplorasi1

*Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim,
Ahnaf Wafi Alias, Siti Maimunah binti Kahal*

Intipati Islamisasi Galeri Dan Muzium Di Pahang: Satu Tinjauan Eksplorasi

Ahmad Farid Abd Jalal^{1,*}, Rahimin Affandi Abdul Rahim², Ahnaf Wafi Alias¹, Siti Maimunah binti Kahal²

¹ Muzium Pahang, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia

² Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

***Emel penulis utama:**

farid.museumpahang@gmail.com

Tarikh penerimaan: 21 Sept 2022

Tarikh penerbitan: 31 Dis 2023

Panduan sitasi:

Abd Jalal, A.F., Abdul Rahim, R.A., Alias, A.W., Kahal, S.M. (2023). Intipati Islamisasi Galeri Dan Muzium Di Pahang: Satu Tinjauan Eksplorasi. *PERADABAN*, 16(1), 1-25. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/PERADABAN/article/view/39157>

DOI:

<https://doi.org/10.22452/PERADABAN.vol16no1.1>

ABSTRACT

The artifacts in the museum shows the world-view and philosophy of life held in a society. The study observed three main galleries at the Pahang Museum, Pekan namely Sultan Abdullah Museum Mosque, the Pahang Malay Sultanate Gallery - Daulat Tuanku and the Servant of Allah Gallery. The study will use critical analysis methods of museum artefacts associated with the historical background of the artifacts studied. As a result, this study found the uniqueness of Islamic history in Pahang compared to other locations. From it, we found that Pahang was the earliest area to accept Islam in Malaya. This is followed by the existence of various positive elements involving the culture of Islamic knowledge. All of them stem from the role played by the Pahang Malay-Islamic Sultanate.

Keywords: Artifacts, Pahang Museum, Sultan Abdullah Museum Mosque, Pahang Malay Sultanate Gallery, the Servant of Allah Gallery

ABSTRAK

Artifak muzium secara langsung memperlihatkan pandangan dunia dan falsafah hidup yang dipegang dalam sesuatu masyarakat. Kajian ini mengkaji tiga galeri utama di Muzium Pahang iaitu Muzium Masjid Sultan Abdullah, Galeri Kesultanan Melayu Pahang - Daulat Tuanku dan Galeri Kehambaan. Kajian ini bakal menggunakan kaedah penganalisan kritikal terhadap artifak muzium yang dikaitkan dengan latar belakang sejarah artifak yang dikaji. Hasilnya, kajian ini mendapati keunikan sejarah Islam di Pahang berbanding dengan lokasi lain. Daripadanya, kita dapat mengetahui bahawa Pahang merupakan kawasan terawal menerima Islam di Tanah Melayu. Hal ini diikuti dengan kewujudan pelbagai elemen positif membabitkan budaya ilmu Islam. Kesemuanya berpunca daripada peranan yang dimainkan oleh Kesultanan Melayu-Islam Pahang.

Kata Kunci: Artifak, Muzium Sultan Abu Bakar, Galeri Kesultanan Melayu Pahang, Galeri Kehambaan, Hukum Kanun Pahang.

1. Pengenalan

Dalam kajian kemanusiaan, hasil sastera sesuatu masyarakat berfungsi sebagai alat untuk merakam sesuatu peristiwa ataupun pemikiran yang berkembang di dalam masyarakat terbabit. Hal ini berlaku kerana seseorang pencipta karya itu semasa melahirkan karyanya pasti terpengaruh dengan pegangan agama, ideologi, sosiologi masyarakat dan pemikiran yang berkembang di dalam masyarakatnya (Diana Laurenson, 1971). Mengikut Lee Weinberg (2014), teori ini turut terpakai kepada hasil usaha seseorang kurator yang melahirkan sesuatu galeri muzium. Daripada sesuatu artifak muzium kita dapat mengesan realiti hidup sesuatu masyarakat dan terpenting sekali, kita dapat mengenalpasti *world-view* dan falsafah hidup yang dipegang dalam sesuatu masyarakat (Othman Yatim, 2005).

Mengikut Hedstrom (2003), pada Zaman Kesedaran (abad 17 dan 18 Masihi) iaitu semasa gerakan muzium pesat berkembang di Eropah telah berlaku usaha pengumpulan bahan muzium daripada seluruh benua dunia. Hal ini berlaku kerana dorongan falsafah budaya ilmu dan sains dalam masyarakat eropah. Hedstrom (2003) menerangkan bahawa falsafah *enlightenment* yang meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada sains. Ia menekankan penggunaan akal saintifik dalam pemahaman sesuatu perkara tentang alam semulajadi. Pada masa yang sama, ia menolak autoriti agama dan tradisi silam kerana kononnya pemikiran sains dapat

memberikan penjelasan logik dan saintifik pada sesuatu perkara. Dalam segenap perkara, proses pembelajaran dan pemahaman sesuatu perkara perlu menggunakan pendekatan sains iaitu melalui kaedah mengumpul, mencatat, mengukur elemen fizikal, membentuk hipotesis yang kemudiannya akan diuji kebenaran hipotesis serta teori ilmu melalui pengujian yang berterusan.

Falsafah *enlightenment* ini menuntut semua pihak perlu terlibat dalam kegiatan ilmu. keterlibatan ini sama ada sebagai pengajar, pencari ilmu, penyelidik dan penaja kepada usaha mencari ilmu. Program pencarian ilmu dianggap lebih berharga daripada usaha pencarian harta kekayaan. Masyarakat barat seperti British dan Perancis memaklumi bahawa dengan penggunaan ilmu mereka bakal dapat menguasai dan menjajah masyarakat lain, khususnya di luar eropah seperti Afrika, Timur Tengah dan Asia.

Lebih mendasar lagi mengikut Hedstrom (2003), peranan budaya ilmu daripada falsafah *enlightenment* di Eropah telah dimainkan oleh institusi memori LAM. Institusi LAM ini merujuk kepada *library* (perpustakaan), arkib dan muzium. Tegas Hedstrom lagi, institusi LAM ini yang telah melahirkan Zaman *Renaissance*, *Enlightenment* dan Revolusi Industri. Instituti memori LAM ini kemudiannya telah ditambahbaik menjadi GLAM yang merujuk kepada *galleries*, *library*, *archive* dan *museum*. Menurut Marty (2010), topik '*digital convergence*' yang berkaitan dengan galeri, perpustakaan, arkib dan muzium ini mempunyai sejarah yang panjang. Kini, terma GLAM ini mendapat perhatian yang tinggi dalam kalangan sarjana *Library and Information Science* (LIS).

Objektif utama kajian ini adalah menganalisis tiga galeri utama di Muzium Pahang. Daripada ketiga-tiga galeri ini, kita bakal mengetahui pandangan dunia masyarakat Melayu-Islam di Pahang.

2. Muzium Dan Peranannya Dalam Dunia Moden

Muzium adalah institusi khusus bagi mengekalkan warisan sejarah yang boleh dibanggakan dalam sesuatu masyarakat. Warisan ini bukan setakat untuk ditonton, bahkan juga bakal dijadikan medium utama untuk tujuan pendidikan Pembinaan Negara Bangsa yang mencerminkan jati diri sesuatu bangsa (Abu Talib Ahmad, 2015). Ia diperkenalkan pertama kalinya oleh penjajah British di Tanah Melayu (Paulette

Dellios, 1999). Sesuai dengan ungkapan Saidina Ali bin Abi Talib bahawa hikmah adalah sesuatu yang hilang daripada umat Islam. Andainya ia ditemui, ia harus diterimapakai untuk manfaat umat Islam. Jadi, dalam konteks institusi muzium ini, walaupun ia adalah warisan penjajah British, tetapi ia patut diterimapakai oleh umat Islam kerana terlalu banyak manfaat yang terkandung di dalamnya.

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, institusi muzium ini berserta dengan semangat dan metodologi telah dikekalkan. Ia dapat dianggap sangat menguntungkan kerana memiliki falsafah intelektual yang amat dinamik. Hal ini dapat dilihat daripada beberapa sudut utama. Pertama, wujudnya ICOM (International Council of Museum) yang menaungi kesemua muzium di seluruh dunia - sama ada di negara maju, sedang membangun dan mundur. ICOM ini bertindak sebagai badan induk yang memperkenalkan pelbagai program penambahbaikan muzium yang sepatutnya. Ia mengambil kira aspirasi kesemua negara ahli. Kedua, ICOM telah membawa falsafah new muzium yang dilihat mampu memperbetulkan kesalahan konsep muzium silam yang lebih berorientasikan kepentingan penjajah (Hooper-Greenhill, 2000).

Muzium diakui menjadi institusi terpenting yang memainkan peranan mengumpul, menjaga, merawat, mempamerkan warisan ketara (*tangible*) dan tidak ketara (*intangible*) sejarah sesuatu bangsa. Ia sangat berguna untuk tujuan memberi ilmu dan mendidik anggota masyarakat tentang peri pentingnya warisan sejarah sesuatu bangsa. Atas dasar itu, ICOM telah menjadikan agenda pembangunan dan pendidikan masyarakat sebagai matlamat terpenting.

Kita dapat mengesan pelbagai falsafah yang terkandung dalam koleksi muzium. Seseorang pengumpul muzium memilih objek tertentu yang mempunyai kepentingan tertentu dan bertepatan dengan ideologi pegangannya. Bagi seseorang pengunjung muzium, artifak muzium yang menarik ini menyebabkan ia mudah difahami dan diingati. Maklumat yang diperolehi akan menjadi ingatan kekal dalam minda seseorang pengunjung (Ab Samad Kechot, 2012). Ia juga dapat menjana pemikiran tahap tinggi yang terdiri daripada: 1) mencetuskan sifat ingin tahu yang tinggi; 2) menekankan isu pembuktian kepada sesuatu fakta; 3) mengaitkan faktor sebab-musabab; 4) usaha mengkaji isu kontekstual sesuatu objek; dan 5) usaha mempelajari hikmah dan manafaat daripada sesuatu objek (S. Azman Ligon, 2017).

Untuk pengkaji sejarah pascakolonial yang menumpukan perhatian kepada dasar penjajahan kuasa barat, koleksi muzium barat seperti British Museum dapat dijadikan sumber utama untuk mengetahui falsafah euro-centric. Bagi pihak kolonial British, pemilihan artifak muzium dibuat bersesuaian dengan falsafah euro-centric. Ia mempercayai bahawa bangsa bukan barat berada pada tahap paling hina dan tidak bertamadun, yang perlu dijajah untuk tujuan mentamadunkan bangsa bukan barat itu. Mereka akan mempamerkan sifat hina masyarakat tanah jajahan melalui artifak yang dipilih. Mereka mempamerkan peralatan hidup atau alat produksi ekonomi yang bertaraf rendah - dalam sifat sara hidup yang ringkas. Ia termasuk sama dengan tulisan yang merendahkan masyarakat tanah jajahan (Ahmad Farid Abd Jalal, 2022). Selain itu juga, falsafah Islamofobia turut dipergunakan. Masyarakat tanah jajahan Islam diwar-warkan bersifat bias gender, ganas dan tidak bertoleransi dengan penganut lain. Apa yang sering dilakukan adalah muzium barat akan mempersembahkan gambar hasil seni milik masyarakat Arab yang digambarkan sebagai bangsa yang mempunyai gundik dalam keadaan bogel (Rawaa Adel Bakhsh, 2021).

3. Galeri-galeri Muzium Pahang

Muzium Pahang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 1975 melalui Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pahang Bil. 1/1975. Pada 21 Oktober 1976, Istana Kota Beram terletak di Bandar Diraja Pekan secara rasminya telah dijadikan Muzium Negeri Pahang dengan nama Muzium Sultan Abu Bakar. Pada tahun 2007, Muzium Pahang yang mengandungi lima galeri utama telah mengalami bukan sahaja proses transformasi inovatif tetapi juga telah mengharungi arus pembangunan yang pesat yang sewajarnya diberi penumpuan yang khusus. Transformasi tersebut juga melibatkan penghijrahan konsep Muzium Pahang daripada konsep tradisional kepada konsep muzium dalam taman; *"The Intellectual Garden"* sinonim dengan perkataan German, *freiraum* yang bermaksud ruang yang luas untuk fikiran yang terbuka, idea, imaginasi dan kreativiti yang membawa kepada keyakinan, wawasan serta penyebaran dan perkongsian ilmu. Ini bermakna konsep baru yang diterapkan oleh muzium menekankan dengan jelas tiga era trajektori Pahang; sebelum, semasa dan selepas penjajahan. Apa yang lebih penting lagi, rangka kerja ini memberi panduan kepada pembinaan muzium yang komprehensif dengan memberikan penekanan kepada identiti, agama dan isu global yang menjadikannya unik dan kontemporari.

Pada 21 Oktober 2016, Muzium Masjid Sultan Abdullah; salah satu komponen utama Muzium Pahang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah ibni ibn Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Selain mengekalkan struktur dan fungsi masjid yang sedia ada, Muzium Masjid Sultan Abdullah turut mempamerkan koleksi-koleksi sumbangan Islam dalam membina tamadun bangsa termasuklah manuskrip-manuskrip berharga seperti kepelbagaian jenis al-Quran, kitab-kitab pengajian agama Islam dan Hukum Kanun Pahang. Muzium Pahang juga menyimpan 178 buah manuskrip dalam genre yang pelbagai seperti Hikayat Pahang, Himpunan Cerita Sejarah Pahang, surat-surat raja, pembesar-pembesar Melayu, teks titah ucapan diraja, catatan Sir Frank Swettenham, Diari Hugh Clifford dan surat pemberitahuan pihak kerajaan British yang ditulis menggunakan tulisan Jawi. Muzium Masjid ini juga berfungsi sebagai pusat pengumpulan maklumat dan menjadi akses penting kepada masyarakat khususnya bagi non-Muslim untuk mengetahui tentang Islam dengan lebih dekat dan menyeluruh.

Kajian ini akan menfokuskan kepada tiga galeri utama di Muzium Pahang iaitu Muzium Masjid Sultan Abdullah, Galeri Kesultanan Melayu Pahang - Daulat Tuanku dan Galeri Kehambaan. Kesemua galeri ini menggunakan tema utama iaitu kesedaran Islam terhadap penekanan identiti bangsa Malaysia. Tema ini jelas meliputi keseluruhan komponen yang disajikan kepada pengunjung. Meliputi pengisian kerangka pameran, *write-up*, *storyline*, pemilihan artifak dan *ambien* sesebuah galeri.

Kesemua galeri ini mempunyai intipati falsafah pascakolonial yang terdiri daripada usaha dekolonisasi (pembebasan dari pengaruh kolonial), penerapan agenda pendidikan, elemen Islamicate (Islam yang dicirikan oleh budaya tempatan) dan agenda pembinaan negara bangsa. Satu elemen yang menarik adalah penggunaan ayat al-Quran sebagai pandangan dunia asas Islam dalam *write-up* dan *storyline* kesemua galeri ini.

4. Muzium Masjid Sultan Abdullah

Berasaskan falsafah *logico positiveism*, sarjana kolonial menyatakan bahawa wujud atau tidak sesuatu tamadun di sesuatu kawasan perlu dibuktikan dengan kewujudan artifak atau manuskrip sejarah yang mewakili sesuatu masyarakat terbabit. Andainya

tidak ditemui sesuatu bukti material ataupun bahan yang ditemui itu terlalu ringkas, mereka akan mengambil sikap simplistik dengan mengatakan perkembangan ilmu dan tamadun sebagai tidak ada. Maksudanya, bagi mereka wujud ataupun tidak sesuatu tamadun material dan intelektual bagi sesuatu masyarakat atau kerajaan bergantung sepenuhnya kepada adanya atau ditemui artifak yang mengandungi maklumat tentang tamadun tersebut. Begitu juga, artifak yang ditemui itu perlulah lengkap dan tidak samar-samar (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2011). Jadi apabila didapati tiada artifak atau manuskrip tentang Islam dan masyarakat Pahang, maka Pahang sebelum kedatangan British, dianggap tidak mempunyai sejarah. Ia berada dalam keadaan huru-hara tanpa sistem kerajaan khusus (Hanapi Dolah, 1983). Tambahan pula, British tidak menerima sumber sejarah tempatan yang menggambarkan tentang masyarakat Pahang, semuanya dikatakan penuh mitos yang tidak boleh dipercayai (Hussain Othman, 2008).

Teori ini telah disanggah dengan hujah bahawa sumber sejarah yang boleh digunakan bukan terhad kepada artifak material semata-mata, tetapi perlu diperluaskan dengan melihat kepada bukti bukan material. Mengikuti Muhammad Arkoun (1995), selain daripada bukti material, realiti budaya masyarakat Islam sebagai *living evidence* juga patut diambil kira apabila mengkaji tentang sesuatu tamadun dan pengamalan konsep Islam. Maknanya, walaupun tidak ditemui bukti arifak (*tangible*), tetapi fakta sejarah boleh diketahui daripada *living tradition* (tradisi zaman berzaman yang hidup dan boleh dikesan hasilnya hingga pada masa sekarang). Contohnya tradisi pengamalan Islam yang kuat dipegang oleh masyarakat Pahang (Ahmad Farid Abd Jalal, 2022).

Lagipun terdapat sumber sejarah tempatan tentang sejarah Pahang yang tidak ditemui oleh sarjana British. Contohnya tentang sejarah kedatangan golongan syed menyebarkan Islam di Pahang. Ia termasuk juga sejarah pembukaan kawasan di Pahang oleh golongan yang berhijrah ke Pahang (kes pembukaan kawasan Raub di Pahang).

Muzium Masjid Sultan Abdullah mengandungi beberapa tema utama iaitu;

4.1 Islamisasi Pahang Antara yang Terawal di Alam Melayu

Bukti sejarah membuktikan bahawa Pahang telah menerima Islam lebih awal berbanding Melaka (1414M) dan Terengganu (1303M). Bukti-bukti ini telah

dipersembahkan dalam pameran di Muzium Masjid Sultan Abdullah. Antara bukti-bukti ini adalah;

Pertama, penemuan Batu Nisan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan bertarikh 419 Hijrah bersamaan 1028 Masihi. Batu nisan ini mirip seperti batu nisan yang dijumpai di Perlak dan Pasai yang mengalami proses Islamisasi awal dalam sejarah Alam Melayu. Bukti ini menunjukkan Pahang adalah salah satu negeri yang menjadi tempat terawal menerima proses Islamisasi lebih awal daripada Kesultanan Melayu Melaka. Tambahan pula, kawasan Timur Laut (Pahang dan Terengganu) ini mempunyai sejarah penyebaran Islam daripada Tanah Arab yang agak panjang. Ia telah menjadi pelabuhan dan persinggahan pedagang asing, khususnya saudagar Arab dan Parsi yang sama tarikhnya dengan kawasan pantai barat Tanah Melayu (Abdul Rahman Abdullah, 1990).

Batu nisan ini membuktikan wujudnya penempatan masyarakat Islam yang mengamalkan budaya hidup Islam merangkumi soal kelahiran hingga kematian. Ia mengajar ahli masyarakat bahawa hidup di dunia ini hanya sementara di mana setiap manusia pasti akan menghadapi kematian. Ia menjadi peringatan kepada semua ahli masyarakat yang masih hidup untuk mempersiapkan diri menghadapi kematian dengan mendapatkan sebanyak mungkin amalan untuk bekal hidup di alam sesudah mati. Bagi masyarakat Melayu-Islam, kubur atau batu nisan tidak boleh dijadikan alat pemujaan ataupun perantaraan untuk mendapatkan sesuatu kehendak atau hajat kepada Allah (Mohd Anuar Ramli, 2018). Hal ini berbeza sama sekali dengan pemahaman agama selain Islam (Nurhanisah Senin, 2019).

Kedua, penemuan artifak arkeologi di Pulau Tioman, kawasan pelabuhan yang maju satu ketika dahulu dalam rangkaian jalan perdagangan antarabagisa antara Cina dan India dengan Timur Tengah.

Ketiga, kawasan Pahang telah dijadikan tumpuan penghijrahan Ahl Bayt (keturunan keluarga nabi) daripada Timur Tengah. Ia menjadi penyebab utama kepada kewujudan golongan keturunan Syed yang boleh dikesan di beberapa penempatan di Pahang. Golongan ini sangat penting kerana mereka dianggap sebagai pendakwah pakar yang bertanggungjawab menyebarkan Islam ke seluruh rantau Alam Melayu (Mahayuddin Haji Yahya & Ahmad Jelani Halimi, 1993). Menurut W. Linehan (1936),

orang Arab ini telah menetap di Pahang khususnya di Pekan sebelum abad ke 15, iaitu sebelum terbentuknya Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini kerana menurut beliau terdapat banyak makam Syed yang terdapat di Pekan. Malah sehingga hari ini masih terdapat perkampungan masyarakat Arab di Pekan yang didiami oleh waris-warisan masyarakat Arab ini secara turun-temurun. Menurut catatan dalam Sejarah Melayu, terdapat seorang bangsa Arab bergelar Nakhoda Saidi Ahmad dari Kampa yang tinggal di Kuala Pahang membantu Hang Nadim bagi melarikan Tun Teja untuk diserahkan kepada sultan Melaka, Sultan Mahmud Shah pada tahun 1494 (A. Samad Ahmad, 2000). Menurut Munsyi Abdullah (2005) dalam catatannya pula mengatakan bahawa terdapat beberapa keluarga Arab yang telah menetap di Kampung Maulana, Pekan, Pahang kira-kira dalam tahun 1838. Kesemua ini jelas menunjukkan bahawa komuniti Islam telah lama wujud di Pahang dan tidak mustahil ia merupakan antara faktor penggerak kepada penyebaran agama Islam di Pahang.



Gambar 1. Batu Nisan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan bertariikh 419 Hijrah bersamaan 1028 Masihi.



Gambar 2. Manuskrip Hukum Kanun Pahang.

4.2 Penemuan Manuskrip Hukum Kanun Pahang

Penemuan Manuskrip Hukum Kanun Pahang membuktikan kewujudan kerajaan dan negara kota yang baik. Ia terletak di kawasan lembayung tamadun Melayu lama di sebelah kawasan Timur Laut Tanah Melayu (Aziz Deraman, 2013). Ia dibantu dengan pengaruh hubungan diplomatik dengan kerajaan luar seperti Aceh dan Melaka. Hukum Kanun Pahang digubal semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah pada tahun 1592 Masihi sehingga 1614 Masihi. Ia merupakan Hukum Kanun yang tertua selepas Undang-undang Melaka. Selama 22 tahun pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah, baginda telah membina kekuatan pertahanan, ekonomi dan mengukuhkan kedudukan undang-undang negeri berteraskan Islam bagi tujuan keadilan dalam pentadbiran negeri yang diperintahnya. Ia merupakan kesinambungan daripada Hukum Kanun Melaka, kerana Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka telah menguasai negeri Pahang pada 1470 Masihi. Sultan pertama yang memerintah Pahang dari jurai keturunan Melaka iaitu Sultan Muhammad Shah (1470-1475 M) telah bertukar ganti sehinggalah kepada pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah (1592-1614 M) yang merupakan keturunan raja Melaka yang kedua belas (Ahnaf Wafi Alias, 2018).

Dalam mentadbir negeri Pahang, baginda telah membuat penambahbaikan terhadap Undang-undang Pahang yang diwarisi dari Kanun Melaka. Baginda menamakannya sebagai Hukum Kanun Pahang dengan cara memperkemaskan peruntukan undang-undang sedia ada yang sesuai dan menambahkan undang-undang baru mengikut keperluan setempat dan semasa.

Pembaharuan yang dilakukan ini melibatkan elemen-elemen syariaah dan mengurangkan elemen-elemen adat yang terdapat dalam Kanun Melaka yang menjadi asas dalam Undang-undang Pahang sebelum ini. Ia menampakkan penambahan terutamanya yang berkaitan dengan aspek keislaman. Hal ini dapat dilihat melalui peruntukan yang terkandung di dalam Hukum Kanun Pahang iaitu tentang kedudukan raja sebagai khalifah, kedudukannya dalam mentadbir negeri seperti kedudukan nabi mentadbir umat, menjalankan amar makruf nahi mungkar serta bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Kedudukan raja atau sultan ini diperkukuhkan dengan nas-nas daripada al-Quran dan hadis. Malahan ada pendapat mengatakan bahawa manuskrip ini merupakan terjemahan dan cedokan dari kitab-kitab fiqah menurut mazhab Syafie (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2022).

4.3 Pahang Sebagai Kawasan Melting Pot (Pusat Yang Menerima Pengaruh Islam Luar Dan Pusat Jalinan Intelektual Melayu Islam)

Secara umumnya, masyarakat Alam Melayu telah mengalami hubungan budaya (*cultural contact*) dengan kebudayaan India (Hindu-Buddha) selama 1500 tahun, Arab-Parsi (Islam) selama 800 tahun dan pengaruh barat selama 500 tahun (Abdul Latif Abu Bakar, 1985). Dalam ketiga era ini, pembudayaan ilmu di kalangan masyarakat agak berbeza. Pada zaman Hindu-Buddha, golongan ilmuwan dan ilmu berlegar dalam khalayak istana sedangkan golongan rakyat dihadirkan dengan unsur kesenian dan mitos yang mengkhayalkan untuk mengagungkan golongan pemerintah. Masyarakat Alam Melayu dihadirkan dengan falsafah dan kesenian yang mengkhayalkan. Dengan kata lain, mereka diperkenalkan dengan budaya menyembah berhala (merupa bentuk khayalan dan kepercayaan yang abstrak). Begitu juga pengutamaan estetika dari akal, memperkenalkan seni dari falsafah dan perasaan dari saintifik dan rasional. Ia mengutamakan aspek estetik dari saintifik dan artistik dari saintifik (Syed Osman Syed Omar, 1987).

Hal ini berubah apabila masyarakat Melayu berada dalam era tamadun Islam. Hasilnya, budaya ilmu telah turut disuburkan dengan munculnya sistem tulisan jawi menggunakan bahasa Melayu sebagai medium pengucapan ilmu yang lebih meluas. Ia berbeza dengan zaman Hindu, di mana penggunaan sistem tulisan Kawi terhad penggunaannya kepada golongan Brahmin. Bahasa Melayu dalam bentuk tulisan jawi menjadi lingua franca Alam Melayu. Ia diiktiraf sebagai bahasa golongan terpelajar yang turut dipelajari oleh orang Eropah.

Legasi terpenting yang diasaskan oleh sarjana Aceh adalah paradigma ilmu Islam dalam bentuk karya ilmu yang mudah difahami oleh masyarakat. Berbanding dengan ilmu sebelum Islam yang tiada keseragaman, ilmu Islam muncul dalam bentuknya yang khusus berupa karya bertulis yang mudah difahami, berasaskan sumber rujukan yang baku daripada al-Quran dan al-Sunnah. Ia dibentuk sesuai dengan pendalilan akal dan dapat menjana pemikiran yang sihat.

Usaha ini dapat dilakukan dengan wujudnya peralatan untuk menghasilkan kitab-kitab agama berupa kertas dan dakwat yang diimport daripada Timur Tengah. Hal ini ditambah lagi dengan teknologi menjaga karya Islam yang disimpan di istana dan perpustakaan khusus. Karya bertulis Islam dalam pelbagai bidang diakui mutunya oleh masyarakat. Ia menjadi rujukan bagi ahli masyarakat dan pembuat dasar iaitu kerajaan Islam di Alam Melayu. Buktinya adalah munculnya legal digest (teks Undang-Undang Tubuh Negeri Melayu - seperti Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang dan sebagainya). Bahkan, para ulama Melayu mendapat dokongan pemerintah Islam, bilamana sesuatu karya ditulis atas permintaan raja, yang pastinya akan dihargai oleh masyarakat. Ia juga dijadikan bahan pengajaran di institusi-institusi pengajian Islam di seluruh Alam Melayu.

Masyarakat Melayu Pahang terbuka menerima kedatangan ulama terkenal daripada luar. Hal ini terbukti dengan wujudnya beberapa pengaruh ulama Aceh di Pahang. Kitab *Siratul Mustaqim* susunan Nuruddin al-Raniri yang selesai ditulis di Pahang sangat penting kerana ia adalah kitab fiqh terawal di Alam Melayu. Sebelum itu, ilmu Islam hanya disampaikan secara lisan dan dalam bentuk karya yang terpenggal. Kitab *Siratul Mustaqim* ini secara khusus mengandungi persoalan fiqh untuk tujuan ibadat masyarakat Melayu. Ia dijadikan rujukan di beberapa sistem pondok di Alam Melayu (Jamalluddin Hashim, 2014). Abu Hassan Sham (1998) menegaskan bahawa Pahang pernah menjadi pusat Tarikat Tasawuf Falsafah Wujudiah (Lubuk Pelang) bilamana dicatatkan terdapat guru kepada Hamzah Fansuri. Fahaman sufi ini pernah menimbulkan polemik besar di Alam Melayu bilamana Pahang dan Aceh menjadi pusat utama berlakunya polemik ini. Tarikat ini terus berkembang menjadi ajaran Martabat Tujuh yang dibawa ke Pahang oleh Tuk Mengkarak (Abu Hassan Sham, 1998).

Penaklukan Aceh ke atas Pahang pada tahun 1671 telah menyebabkan Pahang

terdedah secara langsung kepada perkembangan ilmu Islam yang dibangunkan oleh ulama Aceh. Atas sebab itu ilmu Islam menjadi semakin marak berkembang di Pahang. Sayugia diingat bahawa ilmu Islam Alam Melayu dibentuk asasnya, metodologi, epistemologi dan pegangan mazhab oleh ulama Aceh. Sejak itu, Pahang memang terdedah dengan idea dan pendekatan ilmu Islam yang dibawa oleh ulama Aceh, Kelantan, Terengganu, Pattani, Banjar, Jambi, Palembang, Sulawesi, Johor-Riau dan kawasan lain.

Penyebaran idea-idea Islam ini bersifat rentas sempadan. Apa yang diajar di Haramayn (Mekah dan Madinah) ditransmisikan ke Alam Melayu oleh ulama Melayu yang merupakan graduan Haramayn. Maknanya, sejak awal lagi, keilmuan Islam masyarakat Alam Melayu memang bersifat ortodoks kerana ia mendapat pengesahan daripada ulama Haramayn yang merupakan autoriti tertinggi keilmuan umat Islam pada waktu itu (Azyumardi Azra, 1994).

Tema pemikiran intelektual Islam luar yang berkembang dan dikesan pengaruhnya di Pahang agak komprehensif. Ia membabitkan tema epistemology Islam, neo-Sufism, ilmu ketatanegaraan Melayu- Islam dan fiqh tempatan. Wacana kesemua tema-tema pemikiran Islam ini telah mewarnai pemikiran Islam di Alam Melayu amnya dan Pahang khususnya. Asas ini kemudiannya telah memperkayakan ilmu Islam di Malaysia (Wan Mohd Nor Wan Daud & Khalif Muammar, 2009).

5. Galeri Kesultanan Melayu Pahang - Daulat Tuanku

Galeri Kesultanan Melayu Pahang - Daulat Tuanku memaparkan *storyline* sejarah kepimpinan Pahang dengan membawa pengunjung menyelusuri sejarah pemerintahan Pahang bermula dari awal penguasaan oleh Majapahit lagi. Pengisian dan pemilihan artifak yang dipaparkan di dalam galeri ini juga menfokuskan kepada kesultanan Pahang Moden seperti Sultan Ahmad Al-Mu`azzam Shah ibni Al-Marhum Bendahara Sri Maharaja Tun Ali, Sultan Mahmud ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu`azzam Shah, Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah, Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Abdullah Al-Mu'tassim Billah Shah, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah

 Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah

Secara umumnya, galeri ini mempamerkan tentang perjalanan sejarah Negeri Pahang melalui koleksi-koleksi artifak terpilih seperti cop mohor yang digunakan semasa pemerintahan Bendahara Seri Maharaja (1277H/1860) dan Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah (1378H/1958), Bintang 'Knight Grand Cross of the Most Distinguished Order of St. Michael and St. Georange' (G.C.M.G.) yang diterima oleh Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, taksidermi kaki gajah, arca gading gajah, lukisan tokoh-tokoh yang berpengaruh di Pahang dan gambar-gambar peristiwa bersejarah sepanjang pemerintahan sultan-sultan Pahang bermula daripada Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah sehingga pewaris takhta kesultanan Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Galeri ini juga menekankan peranan dan sumbangan institusi Diraja dalam membangunkan sistem pentadbiran dan pemerintahan khususnya di Pahang.

5.1 Konsep Kedaulatan Raja-raja

Kedaulatan Raja-Raja Melayu adalah satu konsep yang menunjukkan kedudukan kekuasaan raja-raja yang tertinggi dalam masyarakat dan kerajaan Melayu yang berteraskan adat budaya Melayu yang selaras dan selari dengan kedudukan dan peranan baginda di dalam sesebuah kerajaan Melayu. Pemahaman mengenai perkara ini haruslah mengambil kira sejarah dan warisan kebudayaan dan sistem pemerintahan Raja-Raja Melayu yang kukuh berakar umbi dalam tamadun Melayu dan Islam di Kepulauan Melayu. Evolusi ke atas kedudukan dan kekuasaan ini telah berlaku mengikut peredaran masa serta cabaran yang dilalui daripada raja mutlak kepada raja berperlembagaan.

Sistem feodal (beraja) kekal bertahan setelah era dakwah Islamiyah di Kepulauan Melayu berlaku. Hal ini bukanlah disebabkan kesaktian atau mitos yang ada pada seseorang raja, tetapi kerana hakikat kemuliaan yang ada pada baginda. Perkataan "Raja" telah digantikan dengan perkataan "Sultan" yang dianggap sebagai bayangan Allah di muka bumi ini (*zillullah fil alam*). Namun begitu, kemuliaan ini bukanlah semata-mata kerana kedudukan sebagai sultan supaya ditaati, tetapi kerana kawarakan dan kearifan baginda dalam urusan keagamaan sama ada berkaitan hukum syariat mahupun dalam dunia kesufian sebagaimana yang telah dizahirkan

oleh Sultan Malik al-Zahir II, cucu kepada Merah Silu yang telah diislamkan dan kemudiannya telah dibaiahkan oleh Syarif Mekah menjadi Sultan Malik al-Saleh.

Selain itu, Sejarah Melayu turut memberi kedudukan yang sama kepada sultan sebagai “Pengganti Allah” (*khalifatullah fil ardi*). Jadi, untuk mengukuhkan lagi kedudukan raja, maka diwujudkan konsep daulat dan derhaka. Raja yang dianggap layak memerintah akan mempunyai daulat (Ismail Hussein, 1989:453). Bahkan gelaran “Sultan” ini sekaligus telah memperkukuh konsep daulat ini. Sesiapa yang menderhakai baginda sultan dikira telah melakukan suatu kesalahan besar yang menyebabkan pelaku tersebut akan menerima tulah iaitu bentuk pembalasan daripada kuasa ghaib akibat kemurkaan sultan tersebut (Haron Daud, 1993:89-102).

Budaya politik Melayu ini adalah bersifat *agrarian, patron-client, non-political*, pasif, setia, sensitif dengan darjat dan daulat pemimpin (raja/sultan) dan struktur politiknya *submissive* (kepatuhan kepada pemimpin). Namun begitu, kedudukan kuasa semata-mata bukanlah menjadi sebab utama untuk rakyat menumpahkan taat setia kepada Raja-Raja Melayu. Bahkan kepatuhan ini adalah berdasarkan kepada firman Allah dalam surah an-Nisa, ayat 59 yang menuntut kepatuhan kepada perintah Allah, Rasul dan para pemimpin yang dipilih. Ayat ini telah menjadi asas kepada wujudnya konsep kedaulatan raja pemerintah dalam susunan kemasyarakatan dan politik Melayu. Kedaulatan yang datang bersama dengan tanggungjawab yang berat; menjalankan tugas sebagai pengganti kenabian terhadap rakyat. Orang Melayu Islam yang patuh bukanlah semata-mata kerana keadilan seseorang sultan, tetapi juga kesusahannya dalam menjaga urusan manusia daripada kemudatan.

Pengaruh Raja-Raja Melayu dalam konteks politik bukanlah sekadar membicarakan tentang konsep daulat, tulah, taat setia dan derhaka. Namun setelah keseluruhan Raja-Raja Melayu berserta isi negerinya menganut agama Islam, dan setelah syarif-syarif Mekah memberi baiah kepada raja-raja dalam institusi tertinggi ini, maka secara jelasnya institusi pemerintahan dan politiknya berada di bawah naungan sistem Khilafah Daulah Islamiyah. Hal ini diperkuatkan lagi apabila dalam kerangka sistem khilafah ini, wakil-wakil khalifah di wilayah-wilayah Islam lain terdiri daripada amil (pegawai khalifah), kadi, amir dan sultan yang menjaga kemaslahatan ummah di negara Islam.

Oleh yang demikian, sebarang keputusan politik pada ketika itu tidak dibuat berdasarkan suara majoriti dalam kalangan rakyat, bahkan diputuskan oleh sultan setelah adanya musyawarah majlis yang dilantik daripada kalangan orang-orang yang pakar. Hal ini juga menyebabkan penyertaan politik oleh masyarakat tidak ketara dan sultan berjaya mempengaruhi nilai-nilai politik dan kehidupan masyarakat berdasarkan lunas-lunas syarak. Pada ketika itu, belum wujud sistem yang dipanggil sebagai demokrasi, tetapi perjalanan pemerintahan, politik dan sosial begitu lancar atas dasar keadilan sosial yang digariskan oleh Islam.

Daripada galeri diraja ini kita boleh memahami sebab-musabab orang Melayu mengamalkan sistem beraja. Mengikut kerangka kajian kolonial, masyarakat Melayu dikatakan telah dilanda dengan masalah *Oriental Despoticisme*. Ia merujuk kepada beberapa perkara;

1. Pegangan kepada undang-undang Islam. Mardsen, Wilkinson dan Winstedt sepakat menegaskan bahawa undang-undang Islam sebagai barbarian untuk konteks zaman moden. Mereka menegaskan pelaksanaan undang-undang Islam di Tanah Melayu seperti era *Dark Age* di Eropah yang percaya kepada perkara khurafat yang tidak logik dan anti pemodenan (Danielle Falconer, 2015).
2. Orang Melayu menjadi mangsa kezaliman raja-raja Melayu (Daniel C., 1995).

Jadi, galeri sistem beraja bagi sesetengah rakyat Malaysia mencerminkan kelemahan sistem masyarakat feudalisme yang menjaga kepentingan keluarga diraja tanpa mempedulikan kebajikan rakyat biasa. Hal ini cuba dijawab melalui teori muzium pascakolonial dengan beberapa cara. *Pertama*, dalam galeri diraja ada keterangan tentang tanggungjawab yang dimainkan oleh raja-raja Melayu. Setelah kedatangan Islam, konsep raja mutlak (Devaraja) telah diganti dengan konsep raja yang perlu bertanggungjawab memikul amanah menjaga urusan rakyat. Ulama Melayu tradisi memasukkan nilai-nilai Islam yang menjadikan raja bukan lagi bersifat kudus dan mutlak. Raja wajib memahami bahawa:

1. hanya Allah memiliki kuasa mutlak bersesuaian dengan konsep tauhid.
2. betapa besarnya tanggungjawab raja dalam pemerintahannya yang bakal dihisab oleh Allah di tiga alam iaitu dunia, barzakh dan akhirat.
3. sifat dan ciri-ciri pemerintah Islam yang wajib dipatuhi oleh raja.
4. ancaman dan balasan yang bakal dihadapi oleh raja andainya gagal menjalankan

tanggungjawab (Khalif Muammar A. Harris, 2011).

Kedua, manfaat daripada pengekalan sistem beraja Melayu. Di zaman selepas merdeka, sistem beraja mampu berfungsi sebagai benteng ampuh untuk mempertahankan kedaulatan Melayu-Islam di Malaysia. Terlalu banyak cubaan yang telah diusahakan oleh golongan bukan Melayu dan golongan liberal untuk mencabar kedaulatan Melayu-Islam.

Mengikut *Firdaus Abdullah (2017)*, *institusi beraja sangat diperlukan untuk membela nasib umat Melayu daripada ancaman tuntutan bukan Melayu. Ada lima alasan kenapa sistem beraja Melayu wajib dipertahankan;*

1. sistem beraja Melayu boleh mengatasi persaingan politik yang diperolahi melalui pilihan raya. Sistem beraja Melayu mewakili seluruh negara sedangkan kepala negara yang dipilih melalui proses demokrasi terpaksa berpihak mendokong sesuatu kaum tertentu. Kadangkala ia meminggirkan bangsa Melayu sendiri.
2. institusi raja lebih mudah berperanan sebagai “tenaga penyatu” di kalangan rakyat.
3. kewujudan sistem beraja Melayu akan menyukarkan (menghambat) perubahan radikal atau perubahan total politik sesebuah negara. Ia akan membawa kestabilan dengan menggalakkan perubahan secara beransur-ansur dan mengelakkan perubahan melampau (ekstremisme).
4. sistem beraja Melayu memiliki daya tarik, aura, daulat serta kedudukan yang dihormati untuk mengambil keputusan muktamad dan penting pada saat-saat genting. Antara contoh yang pernah disebut ialah keputusan Maharaja Hirohito dari Jepun untuk menyerah kalah kepada pihak Bersekutu di akhir Perang Dunia Kedua, walaupun pihak kuasa tentera ingin melawan terus. Keputusan Hirohito telah menyelamatkan ratusan ribu nyawa.
5. institusi raja adalah gudang atau gedung tempat terhimpunnya tradisi dan kesinambungan dari masa lalu dalam proses perubahan zaman. Institusi raja mengingatkan tentang asal-usul kita.

Di Malaysia, khususnya dalam era selepas merdeka dan globalisasi, terdapat beberapa NGO, parti politik dan individu yang mencabar kedaulatan Melayu dan Islam. Ia secara langsung bertentangan dengan tradisi utama (*dominant tradition*) yang diamalkan sejak turun temurun. Kesemua cabaran atau tuntutan ini bertepatan

dengan agenda globalisasi seperti persamaan manusia, hak asasi manusia, hak individu dan pluralisme agama (Muhammad Kamal Hasan, 2001). Golongan ini mendapat dukungan kewangan dan media daripada badan antarabangsa, yang menjadikannya lebih efektif (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2004). Hal ini menuntut campurtangan pihak Majlis Raja-Raja Melayu, suatu badan tertinggi milik orang Melayu-Islam yang mampu menggunakan kuasa veto untuk menghalang tuntutan melampau ini.



Gambar 3. Galeri Kesultanan Melayu Pahang -
Daulat Tuanku di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang



Gambar 4. Perjanjian Sungai Salan, Perjanjian Pembesar Melayu Pahang
melawan penjajah British

5.2 Pahang Mempunyai Sejarah Kepahlawanan Melayu Menentang Penjajah British

Muzium memiliki artifak yang menunjukkan sejarah Kepahlawanan Melayu menentang penjajah British. Sejarah kepahlawanan Dato' Bahaman dan pengikutnya bukan sahaja boleh dijadikan daya tarikan pelancongan bersejarah di Pahang. Malah, lebih penting lagi banyak iktibar sejarah boleh diambil daripada peristiwa ini. Sejarah kepahlawanan ini bukannya semata-mata kerana faktor kebendaan, tetapi ia merupakan salah satu daripada siri perjuangan jihad Islam orang Melayu Pahang. Kajian ini telah membuktikan fakta ini, apabila isu jihad Dato' Bahaman ini mendapat sokongan material dan doa daripada Tokko Paloh di Terengganu, bahkan ia diketahui dan dibanggakan oleh ulama Melayu di Haramayn (Mekah dan Madinah) pada masa itu (Rahimin Affandi Abd Rahim, 2017).

6. Galeri Kehambaan

Galeri Kehambaan dirangka dengan konsep takwa dan iman seseorang hamba kepada Allah SWT - merasakan kehadiran Allah SWT dalam setiap gerak geri, tindak tanduk meletakkan seseorang insan itu sentiasa berada dalam keadaan takwa dan iman. Hamba merupakan golongan yang paling rendah dalam struktur hierarki masyarakat. Golongan ini tidak boleh bertindak mengikut kemahuan sendiri kerana dikawal oleh peraturan dan perintah yang ditentukan oleh pemilik mereka. Namun, kedatangan Islam menukar konsep daripada perhambaan manusia kepada kehambaan kepada Allah SWT. Rasa kehambaan perlu ada di dalam hati setiap manusia. Antara sifat yang ada pada seorang hamba ialah miskin, jahil, lemah, bersalah dan hina. Sifat ini akan mendorong manusia untuk meletakkan pergantungan kepada yang Maha Kuat, pengharapan kepada yang Maha Sempurna, permohonan kepada yang Maha Kaya sehingga menimbulkan rasa berani, mulia dan kuat.

Begitu juga dalam berinteraksi dengan aspek kesenian, Islam telah membentuk suatu karya seni yang tersendiri. Karya seni dalam konteks pandangan Islam sesuai dengan fitrah dan kejadian manusia iaitu tunduk, menyerah dan mendekati diri kepada-Nya, selaras dengan kedudukan hamba yang melakukan pengabdian kepada-Nya. Sejak daripada zaman tradisi Islam, karya seni Islam berperanan untuk meningkatkan akidah, syariah, akhlak dan masyarakat. Karya seni yang berunsur Islam mempunyai peranan dan kedudukan yang cukup istimewa dalam pertembungannya dengan

karya seni pascamoden dalam zaman global ini. Oleh sebab sesuatu karya seni dihasilkan untuk membentuk peradaban atau kebudayaan, maka karya yang dihasilkan itu lebih menekankan aspek dalaman, fikiran dan intelektualisme sesuai dengan sifat akli yang menjadi teras kemanusiaan, tidak semata-mata bermaksud untuk pemuasan perasaan dan juga kehendak lahiriah.

Galeri ini menggagaskan tiga unsur utama iaitu agama, ilmu dan kuasa melalui pameran karya-karya seni seperti lukisan nama-nama Allah SWT (Asmaul Husna), karya seni Melayu seperti manuskrip dan keris berwafak yang merupakan simbol kekuatan, keberanian dan kebijaksanaan masyarakat Melayu. Keris merupakan senjata yang mewakili keampuhan Melayu dan menjadi senjata penting semasa menentang penjajahan. Senjata ini telah digunakan oleh tokoh-tokoh seperti Datuk Bahaman, Tok Gajah, Mat Kilau, Pawang Nong dan lain-lain dalam mempertahankan tanah air dan kesucian agama Islam. Jika keris digunakan sebagai senjata jasmani, manuskrip pula menjadi pelengkap kepada keperluan rohani dan intelek yang perlu dimiliki oleh seseorang manusia yang bergelar hamba. Islam telah memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan tamadun ilmu di alam Melayu sehingga melahirkan manuskrip Melayu-Islam dalam pelbagai cabang ilmu pengetahuan seperti tafsir, akidah, fiqh, perubatan dan persenjataan khususnya keris. Gabungan ketiga-tiga unsur ini mewujudkan kesempurnaan, keseimbangan dan rasa kehambaan yang mendalam kepada Allah *subhanahu wa taala*.

Secara tidak langsung galeri ini menolak teori sarjana kolonial yang menyatakan bahawa proses Islamisasi mubaligh awal di Alam Melayu menggunakan pendekatan dakwah yang menipu dan membentuk penganut Melayu Islam yang fanatik kepada golongan bukan Islam (Rahimin Affandi & Siti Maimunah, 2017). Sebaliknya, mubaligh awal mengaplikasikan pendekatan wasatiyah. Islam memang disebarikan melalui jalan yang damai di Alam Melayu. Mereka memahami bahawa jihad adalah mekanisme mempertahankan Islam daripada musuh luar (Rahimin Affandi, Syamsul Azizul & Ahmad Farid, 2022). Namun begitu, mereka tidak mengabaikan semangat jihad walaupun menyebarkan Islam secara damai. Buktinya boleh dirujuk kepada sirah ulama Melayu tidak menerapkan pendekatan *pacifism* iaitu mengalah dan tidak melawan (Muhammad Haniff, 2016), tetapi mereka tetap mengarang kitab yang meniupkan semangat jihad melawan penjajah (Lukmanul Hakim, 2008). Selain itu, pondok telah menjadi benteng terakhir mempertahankan akidah umat Islam

daripada diresapi dengan faham sekularisme penjajah. Bahkan dalam banyak keadaan ulama telah terlibat secara langsung dalam penentangan penjajah (Abdullah Zakaria, 2012). Hal ini boleh dilihat daripada usaha Tokku Paloh menyokong dan memberi suntikan semangat jihad kepada perjuangan Dato Bahaman (Amnah, Norshima, Wan Kamal & Izziah, 2014).



Gambar 5. Galeri Kehambaan di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang

7. Kesimpulan

Rumusannya, kita dapat simpulkan beberapa perkara utama. *Pertama*, galeri muzium memang berfungsi sebagai alat rakaman peristiwa ataupun pemikiran yang berkembang di dalam masyarakat terbabit. Ternyata sekali pengaruh sejarah dan intelektualisme Islam telah mempengaruhi kurator Muzium Pahang dalam kerangka membina galeri-galeri di muzium terbabit. *Kedua*, daripada ketiga-tiga galeri yang dikaji didapati sejarah Islam Pahang sangat unik. Keunikan ini merujuk kepada fakta bahawa Pahang adalah negeri terawal menerima Islam di Tanah Melayu. Hal ini kemudiannya melahirkan pelbagai kedinamikan pengaruh Islam dalam masyarakat, antaranya kemunculan budaya ilmu dan dokongan kesultanan Melayu-Islam Pahang terhadap usaha ini. Terpenting sekali, pengaruh Islam di Pahang ini telah diwarnai dengan elemen tempatan (*Islamicate*) yang cukup tinggi.

Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai oleh skim geran penyelidikan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah –Muzium Pahang (ASA-RC) yang bertajuk Meraikan Ilmu (001.KOLONIALISME/2021). Sehubungan dengan itu, pihak penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada ASA-RC atas sumbangan dana yang telah diberikan.

Rujukan:

- A. Samad Ahmad. (2000). *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab Samad Kechot. (2012). Pendidikan Warisan di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8(8), 35- 46.
- Abdul Latif Abu Bakar. (1985). Sejarah dan Pemikiran Konsep Kebudayaan di Malaysia. Dlm Abdul Latif Abu Bakar. (Pnyut.), *Warisan Dunia Melayu Teras Peradaban Malaysia* (pp.13). Kuala Lumpur: GAPENA.
- Abdul Rahman Abdullah. (1990). *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. (2005). *Karya Lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi*. (Pnyut.), Amin Sweeney. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. (2012). Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 40. 9.
- Abu Hassan Sham. (1998). Kitab Jawi Berunsur Tasawuf dan Pengajiannya di Temerloh, Dlm Hashim Awang AR. (Pnyut.), *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru* (pp.1-10). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Abu Talib Ahmad. (2015). *Museums, History and Cultire in Malaysia*. Singapura: NUS Press.
- Ahmad Farid Abd Jalal. (2022). Kearifan Ketatanegaraan dan Gender Melayu Islam Pahang di Aceh: Satu Analisa, *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 7(1), 97-107.
- Ahmad Farid Abd Jalal. (2022). Perkembangan Institusi Memori (LAM) Pada Era British di Tanah Melayu, *Sejarah: Journal of History Department*, University of

- Malaya, 31(1), 34-64 (June 2022).
- Ahnaf Wafi Alias. (2018). Peranan Kurator Muzium Negeri Pahang dalam Memastikan Kelangsungan Manuskrip Hukum Kanun Pahang. *Prosiding Persidangan Siswazah Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018 (PERSIPMAM)*, ATMA UKM, 215-230.
- Amnah Saayah Ismail, Norshima Zainal Shah, Wan Kamal Mujani & Izziah Suryani Mat Resad. (2014). Scholar's Jihad Ta'limi in Pahang During the 19th Century. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 20(12): 2142-2146. hh. 2144-2145.
- Arkoun. M. (1995). *Islamic Thought: Scientific Reading*. National Development Center: Beirut.
- Aziz Deraman. (2013). Citra Budaya Kelantan, Dlm Mahmood Zuhdi Abd Majid (Pnyut.), *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, Kota Bharu: MAIK, h. 523-531.
- Azyumardi Azra. (1994). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Alam Melayu Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Daniel C. Dennett. (1995). *Darwin's Dangerous Idea Evolution and the Meanings of Life*, London: Penguin Books Ltd.
- Danielle Falconer. (2015). British Implementation of Western Medicine in Malaysia and the Malaysian Reaction, *The Forum Journal of History*, v. 7, h. 43-58.
- Diana Laurenson Danalan Swingewood. (1971). *The Sociology of Literature*. London: Macgibbon & Kee.
- Firdaus Abdullah. (2017). Institusi Raja: Peranan Monarki Mengatasi Dilema Demokrasi. *Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara: Ke Arah Wasiat Tersurat*, pada 5-6 Ogos 2017, h. 39-46.
- Hanapi Dolah. (1983). Struktur dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Teoritis, *SARI*, 1(2).
- Hedstrom, Margaret and John L. King. (2003). *On the LAM: Libraries, Archive, and Museum Collections in the Creation and Maintenance of Knowledge Communities*. Paris: Organisation for Economic Co-operation and Development. Diambil dari: <https://www.oecd.org/education/innovation-education/32126054.pdf>. (5 September 2022)
- Hooper-Greenhill. (2000). *Museums and the Interpretation of Visual Culture*. London & New York: Routledge.
- Hussain Othman. (2008). Conceptual Understanding of Myths and Legends in Malay History, *SARI*, 26, 91-110

- Jamalluddin Hashim. (2014). Analisis Pengaruh Unsur Fiqh Tempatan dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim Karya Shaykh Nur al-Din al-Raniri, *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 7(1), 2-19.
- Khalif Muammar A. Harris. (2011). Ilmu Ketatanegaraan Melayu Abad ke-19: Kajian Terhadap Karya Raja Ali Haji, *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(1), 79-101.
- Lee Weinberg. (2014). *Curating Immateriality in Search for Spaces of the Curatorial*. Tesis Kedoktoran untuk University of London, h. 42-71.
- Linehan, W. (1936). A History of Pahang. *Journal of the Malayan Branch, XIV(II)*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Lukmanul Hakim Darusman. (2008). *Jihad in Two Faces of Shariah: Sufism and Islamic Jurisprudence (Fiqh) and the Revival of Islamic Movements in the Malay World*. Tesis kedoktoran untuk The Australian National University.
- Mahayuddin Haji Yahya dan Ahmad Jelani Halimi. (1993). *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Marty, P. F. (2010). An introduction to digital convergence: Libraries, archives, and museums in the information age. *The Library Quarterly*, 80(1), 1-5.
- Mohd Anuar Ramli. (2018). Unsur Kearifan Tempatan dalam Fiqh Budaya dan Seni Melayu Islam dari Perspektif Hukum Islam. *Prosiding Seminar Hukum Islam Semasa IX 2018*.
- Muhammad Haniff Hassan. (2016). Mengharmonikan Islam dan Pasifisme: Satu Pendekatan Tradisional, *Jurnal al-Tamaddun*, 11(2), 1-18
- Muhammad Kamal Hasan. (2001). *Intellectual Discourse at the End of the Second Millennium: Concerns of A Muslim-Malay Ceo*. Kuala Lumpur.
- Nurhanisah Senin. (2019). Penyembahan Imej dalam Agama Kristian, Hindu dan Buddha: Analisis Perbandingan, *5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019, (ISBN 978-967-2122-82-1) 5th & 6th November 2019, Tenera Hotel, Bangi, Selangor, Malaysia Organized by Faculty of Islamic Civilisation Studeis. International Islamic University College, Selangor, Malaysia, h. 649-659.*
- Othman Yatim. (2005). *Pembudayaan Muzium, Pelestarian Warisan Dan Pembinaan Bangsa*. Syarahan Pengukuhan Professor, Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.
- Paulette Delliios. (1999). *The Museum as Artifact, Made in Malaysia*, Tesis kedoktoran untuk James Cook University of North Queensland, h. 86.

- Rahimin Affandi Abd Rahim. (2017). Dimensi Jihad dalam Perjuangan Pahlawan Melayu Menentang Penjajah di Pahang. *Jurnal Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 89-106.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Syamsul Azizul Marinsah, Ahmad Farid Abdul Jalal. (2022). Konsep Jihad Ulama Melayu-Islam Dalam Kitab Jawi Terpilih: Satu Analisis. *Jurnal Manu*, 33(1), 27-51.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Siti Maimunah binti Kahal. (2017). Ilmu Kolonial dan Islamisasi Alam Melayu: Analisis Kritikal. *Jurnal Sejarah*, 26(1), 33-49.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2004). Menangani Cabaran Globalisasi: Satu Analisis Terhadap Pemikiran Reformis Semasa, Dlm Mohd Fauzi Hamat, Mohd Fakhruddin Abd. Mukti Dan Che Zarrina Sa'ari. (Pnyut.), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM, 213-238.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2011). Metodologi Disiplin Occidentalisme Alternatif: Tumpuan Khusus Terhadap Pandangan Orientalis Terhadap Hukum Islam, *Jurnal Syariah*, No.2.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2022). Hukum Kanun Pahang Sebagai Korpus Perundangan Tempatan Melayu Pahang. *Persidangan dan Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) 2022*, Anjuran Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, di UPSI pada 9/8/2022 hingga 11/08/2022.
- Rawaa Adel Bakhsh, (2021), *Unsettling Notions of "Islamic Art" and the "Other": Representations of Islamic Cultures in Contemporary Art in North America and the Middle East*, tesis kedoktoran untuk Queen's University Kingston, Ontario, Kanada, h. 110-146.
- S. Azman Ligon. (2017). Muzium Sebagai Instrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Januari 2017, 5(1), 19-28.
- Syed Osman Syed Omar. (1987). *Arah Pemikiran Sastera Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Wan Mohd Nor Wan Daud & Khalif Muammar. (2009). Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abad ke-17 Masihi Berdasarkan Manuskrip Durr al-Fara'id Karangan Sheikh Nurudin al-Raniri, *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 27(2), 119-146.



Diterbitkan oleh:
Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Malaysia